

BAB V

BAB V**PENUTUP****A. KESIMPULAN**

Semenjak lima tahun kebelakangan ini, Malaysia sedang rancak mengalami berbagai-bagai perubahan iaitu proses normal untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Perubahan ini berlaku dalam semua aspek; ekonomi negara yang cemerlang, budaya kerja, kewujudan infrastruktur fizikal seperti pembinaan lebuhraya serta pengangkutan yang moden dan selesa.

Namun perubahan-perubahan ini bukan hanya yang positif. Gejala lepak, AIDS, buang anak, ketagih arak, dadah dan peningkatan kadar jenayah terus mengiringi kemajuan dan perubahan yang berlaku. Dalam kepesatan pembangunan negara, kita dibaluti kemelut sosial yang tidak pernah terlintas dalam fikiran akan berlaku di kalangan masyarakat Islam. Gejala negatif seolah-olah menjadi aliran budaya hidup masyarakat dewasa ini. Keghairahan meningkatkan taraf hidup dan mengejar nikmat dunia telah mengaburi mata hingga melupakan nilai budi pekerti dan maruah diri.

Kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi yang dikecapi di negara ini memungkinkan generasi muda melupai budaya murni tradisi yang diwarisi turun-temurun. Hambatan dan kekangan ini tidak boleh diremeh-temehkan. Persediaan ke arah menyempurnakan generasi pelapis yang benar-benar cemerlang, berkualiti, inovatif, teguh pendirian, mantap personaliti serta jelas akidahnya kepada Allah s.w.t harus dipertingkatkan. Objektif wawasan 2020 bukan hanya untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian, tetapi juga bagi memastikan negara ini turut membangun dari segi moral dan etika.

Perubahan pantas yang berlaku membawa kepada kejutan budaya dalam masyarakat yang mungkin belum atau tidak bersedia menerima perubahan dalam jangka waktu yang pendek. Namun begitu mengambil pendirian menolak perubahan-perubahan yang berlaku dan terus bertahan pada keadaan asal semata-mata untuk mengelak dari menghadapi gejala-gejala negatif ini bukanlah satu langkah yang bijak.

Kelesuan dan kepincangan generasi muda hari ini semakin membimbangkan. Walaupun pelbagai usaha dan

program telah dijalankan namun hasilnya masih kurang memberangsangkan. Anak muda kini lebih mudah mengenali dan menghayati budaya 'C- Minded' yang mementingkan career, credit card, car, condominium dan complacency (keselesaan). Aspek-aspek nilai murni sejagat semakin terhakis. Peningkatan nisbah gejala sosial seperti budaya kuning, lepak, bohsia dan bohjan semakin menjadi-jadi.

Pada umumnya, objektif perubahan dan perkembangan yang ditekankan oleh pendukung idea kemajuan moden ialah kekayaan material dan keselesaan hidup mengikut pertimbangan nafsu tanpa semestinya ditentukan oleh nilai-nilai keagamaan. Ia juga meliputi keseronokan yang diperolehi dari kebebasan sosial atau ketenangan melalui penyertaan di majlis-majlis tarian dan muzik. Persoalan moral dan agama hampir tidak menonjol langsung. Prinsip yang selalu dipegang dalam menguruskan kehidupan bercorak sebegini ialah '*the end justifies the means*'. Jelas sekali bahawa persoalan agama tidak menjadi faktor yang berpengaruh lagi.

Proses pemodenan dan perindustrian sememangnya sering membawa unsur-unsur yang boleh mencetus keruntuhan moral dan nilai-nilai murni manusia. Kewujudan kilang-

kiland di bandar memerlukan kehadiran belia dari seluruh negara terutama anak-anak muda dari kampung. Ini akan menimbulkan kejutan budaya yang boleh mengakibatkan penyelewengan moral dan penglibatan dengan unsur-unsur yang tidak sihat di bandar.

Desakan hidup yang berdasarkan persaingan kebendaan juga sering menyebabkan tercetusnya gejala-gejala yang membawa kepada krisis rumahtangga. Ini akhirnya mengakibatkan kepincangan institusi sosial tersebut. Kehidupan moden pula turut memberi kesan kepada kelunturan nilai kasih sayang dan hormat menghormati di antara anggota keluarga dan masyarakat. Ia membuka jalan kepada pengabaian kasih sayang antara generasi muda dengan generasi tua, anak dengan ibubapa, suami isteri dan sebagainya.

Di samping itu antara faktor yang menyebabkan anak-anak terjerumus dalam kegiatan jenayah ialah kegagalan ibubapa mendidik anak, kerenggangan hubungan dalam keluarga dan pengabaian tanggungjawab terhadap anak. Kebebasan yang melampau menyebabkan mereka merasakan mereka boleh berbuat apa sahaja tanpa menimbulkan kemarahan ibubapa.

Keruntuhan moral yang berlaku juga disebabkan masyarakat kurang daya tahan untuk melawan pengaruh asing. Mereka menganggap apa yang datang dari barat itu adalah satu trend atau kemodenan yang harus diikuti. Falsafah hidup yang dianjurkan oleh Islam sama ada pandangan yang diambil terus dari al-Quran dan al-Hadith atau buah-buah fikiran yang dilahirkan oleh ulama terkenal seperti Ibn Miskawayh, al-Ghazali, Jamaluddin al-Afghani dan lain-lain hampir diketepikan terus akibat dari tarikan-tarikan yang diterima dari barat.

Masyarakat seharusnya berpendirian tegas dan mempunyai kesedaran yang tinggi agar dapat mengawal kemasukan sebarang pengaruh liar yang boleh mengancam keutuhan bangsa dan agama. Pemahaman dan perlaksanaan kehidupan beragama yang mulia dalam masyarakat, terutama generasi muda adalah penting sebagai benteng untuk menangkis sebarang godaan daripada proses globalisasi. Pada asasnya perubahan dan kemajuan mengikut kacamata Islam ialah pengembalian kepada ajaran Islam yang sebenar sebagaimana dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w.

Keadaan ekonomi negara yang cemerlang hari ini perlu diseimbangkan dengan pembangunan sosial dan moral. Tidak ada ertiinya sebuah negara menekankan pembangunan ekonomi dengan meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan

perkapita, jika nilai moral, kualiti kehidupan dan pembangunan keluarga tidak membangun dengan seimbang.

Pemupukan nilai-nilai moral dan etika yang baik haruslah diberikan keutamaan. Proses pemupukan harus bermula dengan keluarga di rumah dan diteruskan di sekolah-sekolah serta di tempat kerja. Isu moral bukan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti sosial, tetapi juga wujud dalam setiap aktiviti-aktiviti manusia seperti politik, sukan dan ekonomi. Di dalam usaha mencapai sebuah masyarakat yang bermoral dua isu penting harus dipertimbangkan. Isu tersebut ialah:

1. Kemampuan dan keazaman pihak kerajaan dalam membendung segala bentuk rasuah dan penyelewengan; dan
2. Rakyat haruslah bersedia menerima satu budaya yang berdasarkan kejujuran, disiplin dan amanah sebagai satu cara hidup.

Keruntuhan moral yang disebabkan oleh kemerosotan nilai-nilai moral boleh diatasi bukan sahaja dengan penguatkuasaan undang-undang, tetapi juga melalui peningkatan kualiti kehidupan keluarga. Ini boleh

dilaksanakan melalui penekanan terhadap disiplin dan tingkah laku yang baik dan bermoral, di samping penghayatan terhadap tuntutan Islam dalam kehidupan seharian.

Hakikatnya, Islam telah memberi dimensi baru kepada masyarakat Islam di Kepulauan Melayu. Selepas kedatangan Islam, mereka mencapai darjat keinsanan yang sempurna secara spiritual, intelektual, emosional dan fizikal. Semasa menjadi penganut animisme, Buddhisme dan Hinduisme, tidak terserlah keagungan dan kehebatan mereka sebagai bangsa yang berdaya maju dan beradab.

Menerusi penghayatan Islam, mereka telah bertukar jiwa, minda dan peradaban menjadi masyarakat baru, lalu bangkit mencorakkan sejarah zaman. Catatan sejarah menunjukkan betapa Islam bukanlah agama yang diritualkan, sebaliknya menjadi teras kehidupan sehingga berjaya membentuk pandangan hidup masyarakat yang tersendiri.

Tegasnya, dengan menjadikan akhlak Rasulullah s.a.w dan para sahabat sebagai teras, keruntuhan akhlak yang melanda pelbagai lapisan masyarakat Islam hari ini dapat dipulihkan. Walau bagaimanapun kesediaan untuk berkongsi idea dengan ulama adalah tunjang yang boleh menjayakan

pemulihan ini. Pembabitan ulama secara positif dan komited dalam pembangunan negara dan bangsa amat penting. Ini adalah untuk memastikan ianya tidak terpisah dari pembangunan kerohanian dan nilai-nilai murni kehidupan. Para ulama sebagai pendakwah, pegawai tadbir, ketua jabatan, guru, pensyarah dan sebagainya masing-masing mempunyai peranan penting dalam kerjaya mereka bagi menghadapi proses pembangunan negara.

Ibubapa pula perlu meningkatkan kesedaran dan lebih prihatin terhadap kualiti kehidupan keluarga dan harus mengambil langkah mendidik dan memupuk anak-anak mereka dengan kasih sayang dan kemesraan. Peri pentingnya nilai moral dibina perlu diberi penekanan kerana ia menjadi asas yang kukuh dan stabil bagi menjamin sebuah masyarakat yang bermaruah, bermoral dan beretika. Hakikatnya semua orang perlu memahami tanggungjawab dan peranan masing-masing baik sebagai individu, ketua keluarga, anggota masyarakat mahupun pemimpin.

Masyarakat Islam yang perlu dibentuk ialah masyarakat yang berjaya menguasai ilmu pengetahuan dalam semua bidang, masyarakat yang berfikir secara saintifik serta bertindak berdasarkan ilmu dan rasional di samping tetap berpegang teguh kepada ajaran Islam, berakhlik

mulia dan berbudi luhur. Kepesatan ekonomi negara tidak seharusnya mengaburi masyarakat daripada berusaha untuk melahirkan generasi baru yang mempunyai keyakinan dengan nilai positif dan boleh menghindari diri daripada pelbagai masalah sosial.

Kehidupan adalah dinamik dan memerlukan perubahan. Sesuatu keadaan yang sesuai pada zaman dahulu mungkin tidak lagi begitu sesuai untuk hari ini. Perubahan yang sedang berlaku memberikan cabaran kepada segenap lapisan masyarakat dan negara. Apa yang penting ialah suatu anjakan paradigma di kalangan masyarakat Islam untuk membolehkannya bersedia bagi menerima perubahan yang berlaku di samping berkeupayaan untuk menyerap kesan negatif yang dihasilkan. Dengan gabungan disiplin-disiplin ilmu yang berbeza, masyarakat Islam boleh menangani perubahan dengan kaedah yang paling baik.

B. SARANAN

Berdasarkan hasil kajian ini, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan sebagai penutup kepada penulisan ini. Saranan-saranan tersebut adalah sebagaimana berikut:

1. Pendidikan merupakan kaedah yang paling berkesan dalam menangani perubahan moral generasi muda. Oleh itu sistem pendidikan hari ini pada umumnya perlu diorientasikan kembali agar dapat dijadikan alat yang berkesan untuk menghadapi reformasi sosial. Ia haruslah mampu mempersiapkan masyarakat Islam secara keseluruhannya untuk menghadapi suatu transformasi sosio-budaya yang besar dalam membentuk sebuah masyarakat industri yang benar-benar maju menjelang tahun 2020. Transformasi sosial itu perlulah melibatkan perubahan dalam segala aspek kehidupan sosial sama ada sistem ekonomi, budaya, politik, ilmu pengetahuan dan juga citra serta penghayatan Islam.
2. Generasi muda perlu ditanam dengan nilai kerohanian dan nilai etika Islam yang mendalam. Mereka harus diberi kesedaran agar berusaha mencari ilmu pengetahuan bukan untuk memuaskan perasaan intelektualnya semata-mata atau untuk mengejar material, tetapi untuk meninggikan taraf kebajikan rohani, moral dan jasmani diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Penekanan terhadap tanggungjawab mereka untuk memimpin negara satu masa kelak perlu diberi

perhatian agar krisis budaya yang parah tidak akan berlaku terhadap generasi pelapis negara.

3. Berdasarkan pengalaman-pengalaman masyarakat maju, gejala jenayah, penipuan, rasuah, penyelewengan dan sebagainya akan meningkat selagi kekuatan materialisme mengatasi kekuatan moral. Oleh itu, selain daripada pendidikan, sistem perundangan juga perlu diperbaiki dari masa ke semasa untuk mencegah jenayah. Jentera pengawal dan penguatkuasaan undang-undang perlu bersih daripada penyalahgunaan kuasa dan rasuah.
4. Sektor awam hendaklah dengan lebih jelas membuktikan kesungguhan dalam menerapkan nilai-nilai Islam di dalam jabatan masing-masing. Prestasi dan kecemerlangan kakitangan hendaklah diukur dengan ciri-ciri ketiaatan pekerja muslim kepada perintah-perintah Allah seperti menunaikan sembahyang, menjaga tatasusila, adab-adab dan moral yang telah digariskan oleh Islam. Badan-badan korporat khususnya yang dipimpin oleh orang Islam hendaklah menjuruskan usahanya kepada mengukuhkan nilai-nilai yang diperakui oleh Islam dan menghapuskan nilai-nilai serta budaya yang bercanggah dengan Islam.

5. Badan-badan penyiaran dan media massa hendaklah mementingkan pembinaan ketahanan nilai daripada hanya mendapat populariti ataupun keuntungan. Program-program yang menonjolkan tugas sosial media terhadap pembinaan masyarakat yang dinamis hendaklah diutamakan. Ini bererti program-program yang menyogokkan nilai-nilai bengis dan kejam hendaklah dihentikan. Di samping itu penyerapan nilai-nilai negatif melalui hiburan-hiburan budaya asing hendaklah dikawal. Media cetak pula mempunyai peranan yang amat besar dalam membentuk cara rakyat berfikir. Oleh itu tugas ini hendaklah dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Penyiaran dan media cetak hendaklah digunakan bagi meningkatkan lagi komitmen masyarakat kepada nilai-nilai positif, konstruktif dan yang membawa kepada kesejahteraan.

6. Untuk melawan arus kemerosotan moral yang berlaku, para pendakwah haruslah berganding bahu meningkatkan aktiviti dakwah Islam, tanpa mengira perbezaan fahaman dan pendekatan. Dakwah Islam adalah satu kewajipan ke atas setiap orang Islam, mengikut kemampuan masing-masing. Oleh itu setiap individu hendaklah sedar tanggungjawab tersebut dan melaksanakannya dengan sempurna.

7. Usaha dakwah kepada golongan bermasalah hendaklah dilakukan dengan teratur terutamanya dari sudut pendekatan. Cara-cara dan pendekatan dakwah yang terbukti dapat memberikan kesan yang baik kepada sasaran hendaklah digunakan oleh pendakwah atau pertubuhan dakwah dengan meluas. Cara-cara tersebut ialah:
 - a. mengadakan hubungan peribadi;
 - b. mewujudkan kumpulan perbincangan;
 - c. mengadakan khidmat masyarakat dan lawatan; dan
 - d. mengadakan ceramah di tempat-tempat umum seperti di Dataran Merdeka, Taman Tasik Titiwangsa dan sebagainya.
8. Pertubuhan dakwah juga haruslah memberi tumpuan terhadap aktiviti kebajikan dengan lebih giat lagi. Pendekatan kebajikan kurang dipraktikkan di kalangan pertubuhan dakwah sedangkan masyarakat amat memerlukan pendekatan sebegini dalam menangani permasalahan mereka.
9. Pengetahuan mengenai penyakit-penyakit sosial yang berlaku amat perlu bagi pendakwah. Oleh itu pertubuhan dakwah disarankan agar membuat kajian

khusus untuk mendapatkan maklumat asas sebelum memulakan usaha dakwah kepada sasaran. Kursus-kursus dan latihan kepada pendakwah-pendakwah yang baru menceburি bidang dakwah hendaklah diadakan oleh pihak-pihak berkenaan untuk memberi panduan dan kepakaran tertentu dalam berdakwah.

10. Pendakwah disarankan agar selalu menonjolkan bahawa Islam bukan menyekat kebebasan individu tetapi ia bertindak menjaga keselamatan dan kesejahteraan pemeluknya. Untuk tujuan ini, artikel-artikel ringkas dan menarik dalam bentuk risalah boleh dihantar terus ke tempat-tempat sasaran. Pendakwah atau pertubuhan dakwah diharap dapat menggunakan saluran tersebut secara meluas kerana ia memberi faedah yang banyak kepada sasaran.
11. Dalam mengatasi masalah sosial yang berlaku, semangat kekitaan harus ditanam semula di kalangan masyarakat. Usaha menghapus gejala sosial hendaklah dilihat sebagai satu tanggungjawab bersama. Setiap individu harus peka terhadap segala bentuk kepincangan moral yang berlaku di sekelilingnya dan berusaha mencegahnya semampu yang boleh.

12. Perang psikologi terhadap faktor-faktor yang membawa kepada keruntuhan moral haruslah diadakan dengan lebih hebat lagi. Untuk tujuan ini, seminar-seminar di peringkat kebangsaan di mana pakar-pakar sosiologi dari dalam dan luar negeri, ulama dan wakil-wakil pertubuhan dakwah dan sukarela mestilah juga dilibatkan.
13. Pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga haruslah tampil ke hadapan menyalurkan bantuan tenaga dalam menangani krisis moral yang berlaku. Kerjasama yang boleh diberikan ialah seperti menyediakan tenaga sukarelawan yang berkebolehan untuk menarik golongan remaja dan dewasa yang menghadapi masalah moral. Para sukarelawan ini boleh dipilih di kalangan pelajar yang mengikuti kursus dakwah di fakulti-fakulti pengajian Islam dengan menjadikan program dakwah ini sebagai satu latihan praktikal untuk mereka. Dengan itu, mereka telah diberi bimbingan dan pendedahan sejak berada di dalam kampus lagi sebagai satu persediaan sebelum melibatkan diri dalam masyarakat.
14. Penubuhan unit kaunseling di tempat-tempat tumpuan golongan bermasalah boleh menjadi satu alternatif

yang baik dalam menghadapi gejala sosial. Unit kaunseling ini berperanan menyelesaikan masalah kerunsingan hidup, pengaruh rakan sebaya dan unsur ingin tahu yang sering menyeret seseorang ke arah gejala sosial.

15. Pihak-pihak berkenaan juga seharusnya memperbanyakkan program-program latihan kemahiran untuk remaja dan belia bagi mengelakkan berlakunya budaya melepak, kes jenayah dan sebagainya. Disebabkan tidak mempunyai kemahiran tertentu dan tidak tahu mengisi masa terluang dengan aktiviti berfaedah, golongan remaja gemar berpeleseran dan membuang masa di kompleks membeli-belah. Pihak-pihak tertentu juga boleh mengadakan projek-projek ekonomi untuk golongan belia. Ini dapat membantu mereka menceburkan diri dalam kegiatan ekonomi di samping meningkatkan taraf hidup mereka.
16. Badan-badan korporat dan kerajaan diharap dapat menyalurkan bantuan kewangan tanpa had kepada mana-mana pihak yang ingin mengadakan aktiviti-aktiviti dakwah kepada golongan remaja dan belia yang bermasalah. Kesediaan pihak-pihak tertentu menjalankan aktiviti dakwah kepada masyarakat

haruslah dihargai dengan memberikan sokongan moral dan kewangan.

Segala cadangan yang dikemukakan di atas tidak akan berkesan tanpa inisiatif dari pihak kerajaan dan masyarakat dalam menentang gejala sosial. Oleh itu kerjasama dari semua pihak amat penting dalam memastikan kejayaan sesuatu perancangan.